

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

ATP 202 PENGURUSAN PEMASARAN

Tarikh: 27 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

BAHAGIAN A

Jawab soalan 1 dan 2.

1. Selaku Pengurus Besar Pemasaran EON anda bercadang untuk membentuk satu program pengiklanan kereta Proton Saga. Terangkan strategi-strategi pengiklanan dengan menggunakan Proton Saga sebagai fokus pengiklanan anda.

(40 markah)

2. Sebagai langkah untuk menswastakan perkhidmatan KTM, kerajaan mengambil keputusan untuk menjual KTM kepada firma anda. Sebagai Ketua Perancang Korporat anda bermula dengan menyusun semula perancangan strategik untuk KTM agar ianya menjadi sebuah syarikat pengangkutan yang terulung di negara. Terangkan cadangan-cadangan anda apabila merancang strategi baru untuk KTM.

(40 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

Jawab dua soalan sahaja.

3. Seorang Pengurus Urusan firma perundingan pernah berkata "Segmentasi pasaran dapat memberi kejayaan dalam masa kemelesetan ekonomi". Ia sedang menyentuh tentang kejayaan setengah pasaraya-pasaraya di Kuala Lumpur. Kalau anda hendak menubuhkan sebuah pasaraya di Pulau Pinang, bagaimakah segmentasi pasaran dan posisi pasaran boleh menolong dalam pencapaian gol-gol firma anda.

(10 markah)

4. Bentukkan satu produk atau perkhidmatan baru berdasarkan kepada tiga peringkat dalam konsep produk. Terangkan bagaimana anda memilih sasaran pasaran untuk produk baru ini.

(10 markah)

5. Anda sedang memikir untuk melanjutkan pelajaran keluar negeri selepas tamat pengajian di USM. Kaitkan keputusan-keputusan anda dengan model proses membuat keputusan. Kenapakah agaknya peringkat kelakuan selepas membeli dimasukkan di dalam model ini?

(10 markah)

6. Semasa anda mengimplementasi rancangan pemasaran, terdapat banyak masalah yang timbul. Kenapakah timbulnya masalah-masalah semasa peringkat implementasi dan bagaimakah anda boleh mengatasinya?

(10 markah)